

31/01/2001

Pas riuh kerana dua butir pingat

Putera Kajang

PERSEPSI Pas sebagai parti ukhrawi dan pemimpinnya tidak utamakan duniawi, terutama yang menyentuh soal kulit, seharusnya diberi penilaian semula.

Pas sering dilihat tidak begitu pedulikan mengenai pembangunan fizikal, apatah lagi gelaran berbau keduniaan yang menurut pemimpin mereka tidak penting dalam perjuangan menegak kebenaran mengikut acuan parti itu.

Apabila Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, diberi dan menerima gelaran Datuk yang dianugerahkan Sultan Kelantan beberapa tahun lalu, pandangan sinis terhadap mereka yang bergelar Datuk oleh masyarakat parti itu, agak berkurangan.

Krisis politik yang berlaku pada September 1998 pula menyaksikan ramai Datuk menyertai parti itu. Ini menjadikan gelaran berkenaan bukan satu halangan lagi atau asing bagi penyokong Pas untuk menerima hakikat bahawa 'al ustaz al fadzil' yang menjadi idola mereka selama ini, menggunakan Datuk pada pangkal nama mereka.

Apabila, pada Rabu lalu, Sultan Kelantan menarik balik anugerah yang diberi kepada dua Exco kanan kerajaan negeri, Takiyuddin Hassan dan Mohamad Daud, ia seharusnya tidak mencetuskan apa-apa polemik, lebih-lebih lagi anugerah itu sendiri tidak membawa apa-apa gelaran bersamanya.

Tetapi pemimpin Pas, seperti selalunya, melenting apabila sesuatu terkena batang hidung mereka, sekalipun atas perkara yang tidak begitu penting.

Naib Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan, Zulkifli Yaakob, melompat mendahului letupan pistol apabila memberi kata dua kepada pihak istana supaya menjelaskan kepada rakyat mengapa anugerah itu ditarik balik dalam tempoh seminggu.

Kata Zulkifli, kalau pihak istana gagal memenuhi tuntutan mereka, parti itu akan membuat cadangan pindaan Perlembagaan membabitkan hak istimewa raja-raja serta melakukan road show untuk menjelaskan isu itu kepada rakyat, hanya kerana dua butir pingat yang tidak punya nilai apa-apa dari sudut Islam.

Mengeruhkan lagi keadaan, Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar, menokok bahawa parti itu tidak kisah sangat mengenai pingat itu, tetapi tindakan istana adalah satu penghinaan kepada kepemimpinan parti itu dan rakyat Kelantan, katanya.

Demikianlah cara pemimpin parti itu memberi penilaian dan persepsi mereka terhadap maruah bangsa.

Perjuangan membasmi kemiskinan, meningkatkan pembangunan prasarana dan sebagainya dianggap tidak penting dan membazir oleh parti itu seperti yang diwar-warkan dalam setiap ceramah mereka. Seharusnya perkara seperti ini diberi keutamaan kerana faktor ekonomi mencerminkan maruah dan kekuatan sesuatu bangsa.

Pemimpin Pas harus berasa lebih malu apabila statistik menunjukkan rakyat Kelantan adalah antara yang termiskin. Di sinilah rakyat negeri itu memerlukan pembelaan Zulkifli dan Mahfuz kerana mereka berasa sangat terhina kerana kemiskinan itu boleh membawa kepada kekufuran, bukannya pingat yang tidak boleh membantu ketika anak-anak merengek kelaparan.

MCA tidak pernah mengaitkannya dengan soal maruah bangsa apabila Sultan Selangor menarik balik pingat yang dianugerahkan kepada Datuk Lee Kim Sai pada tahun 80-an. Begitu juga Umno tidak membuat komen apabila Sultan Kelantan menarik balik pingat yang dianugerahkan kepada Tan Sri Husin Ahmad pada 1985. Ada ramai lagi yang terkena, tetapi semuanya rasional.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyentuh isu hak istimewa raja-raja yang membawa kepada pengurangan kuasa istana, ramai menuduh beliau mahu menghapuskan institusi raja untuk menjadi presiden yang lebih berkuasa. Tetapi kini rakyat dapat melihat sendiri hasilnya.

Saya tidak mahu mengungkit kembali peristiwa yang membawa kepada krisis Perlembagaan pada awal 1990-an itu kerana rakyat Malaysia sudah jelas dan pihak istana juga akur akan keperluannya.

Bagaimanapun, saya agak kabur rupa bentuk pindaan yang mahu diketengahkan Zulkifli kerana isunya hanyalah kerana dua butir pingat, Setia Mahkota Kelantan (SMK) milik Mohamad dan Ahli Setia Kelantan (ASK) kepunyaan Takiyuddin.

Sekiranya pihak istana buat tidak peduli dengan tuntutan Zulkifli, fakta apakah yang mahu digunakan oleh parti itu ketika memberi penjelasan kepada rakyat nanti dalam road show mereka sedangkan, seperti kata Zulkifli, mereka sendiri tidak tahu sebab-sebab dua butir pingat berkenaan ditarik balik.

Tidak syak lagi ia akan menjadi riuh rendah sedangkan Pas tidak begitu jelas apa sebenarnya yang berlaku di sebalik tabir.

Pada hemat saya, Pas harus ambil pendekatan yang lebih berhemah bukannya mengugut. Pas juga perlu memahami mengenai hak. Kalau tidak parti itu akan terus melanggar hak orang lain ketika mempertahankan hak sendiri.